(sambungan daripada muka 3)

Kita tidak mengatakan bahawa masalah itu mesti difikirkan empat lima bulan kemudian oleh suatu lajnah yang besar oleh kerana masalah itu suatu masalah yang terang yang tidak mesti ditangguhkan menetapkannya kepada suatu persidangan yang lain yang dilunasi empat lima bulan atau mereka yang jahil akan berpendapatan bahawa ada kelulusan mengadakan satu dua jenis loteri yang satu nama tetapi berlainan-lainan caranya pada hal telah itlak haramnya itu kedudukannya sebagai penasihat itu hendaklah ditepati berani memberi nasihat atas perkara-perkara yang hak dengan terus terang dengan tidak cuba berdolak-dalik adanya.

-----✳----------✳----

Selamat Hari Raya

Pada tahun ini Qalam akan menerbitkan kad-kad selamat hari raya. Percayalah tuan-tuan akan berpuas hati dengan kad-kad keluaran Qalam .

Perhatilah kelak maklumat-maklumatnya kemudian.

-----✳----------✳----

Syaaban

(Oleh Pencinta Kalam)

Selesai Rejab diganti Syaaban
Masanya tetap tidak mereban
Jalannya rasa bagai dihumban
Siapa lali rugi dan heban.
Demikianlah masa terus bergilir
Tak pernah mudik melainkan hilir
Siapa tak ingat leceh dan lilir
Tinggallah digusi lidah terjelir.
Perjalanan masa berganti-ganti
Perginya tidak mahu menanti
Ingatlah tuan encik dan siti
Untuk kebajikan hidup dan mati.
Terutama Syaaban bulan yang berkat
Bulan puasa hampirlah dekat
Lajar dan latih nafsu disekat
Iman dan amal biar sepakat.
Rajin usaha carilah nafkah
Untuk diri untuk sedekah
Dunia akhirat jangan bertelingkah
Kerjakan suruh tinggalkan tegah.
Rebut dan cari berapa kuasa
Sediakan bekal untuk puasa
Untuk ibadat membuat jasa
Kerana Allah Tuhan yang Esa.
Apa yang wajib hendaklah ingat
Ain kifayah kerjakan bangat
Angan-angan jangan dilayankan sangat
Merosakkan diri melemahkan semangat.
Lemah semangat hilang tenaga
Malas bekerja tak mahu berniaga
Hidup di dunia lapar dan dahaga
Di akhirat pula tak mencium syurga.
Alim ulama telah berkata
Bulan Syaaban bulan juwita
Saidina Muhammad junjungan kita
Membanyakkan puasa berdoa serta.
Kepada Allah memohon rahmat
Diberi petunjuk sekalian umat
Demikian hamba Allah dipohonkan selamat
Kepada Allah supaya berkhidmat.
Sayugialah kita orang Islam
Turut perjalanan Alaihissalam
Dunia akhirat ceria dan salam
Supaya terlepas lemas tenggelam.
Usahlah khayal kufurkan nikmat
Lupakan kubur lupakan kiamat
Kadarlah (sedarlah) diri hamba dan umat
Dunia akhirat insya-Allah selamat.



Almarhum Hussein Fahmi Sadik dan Asilah Hanum ayah dan ibu bagi Permaisuri "Nariman" Mesir ayahnya meninggal tahun yang lalu. Pada masa hayatnya ayahnya berjawatan Seorang jurutera sehingga akhirnya telah menjadi Setiausaha Jabatan Menteri Perhubungan.